


Hakim tolak permohonan cabar kebolehppercayaan Najib

BH - 7/11/2020 - m/s: 18

Keterangan tertuduh kepada SPRM tak bercanggah pernyataan saksi

SRC
SRC International Sdn. Bhd.



Najib Razak

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menolak permohonan pendakwaan untuk mencabar kebolehppercayaan Datuk Seri Najib Razak melalui keterangannya membabitkan dokumen pinjaman dana oleh SRC International Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali, mendapati tiada percanggahan material di antara keterangan diberikan Najib kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan keterangan melalui pernyataan saksi yang dikemukakan bekas Perdana Menteri itu di mahkamah.

Tegasnya, tidak ada alasan bagi pendakwaan untuk meneruskan prosiding mencabar kebolehppercayaan Najib dan mengarahkan prosiding bela diri kes rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram dihadapi Najib diteruskan.

Permohonan pendakwaan itu timbul ketika Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, menyoal balas Najib pada sesi pagi berhubung dokumen yang

ditandatangani bekas Perdana Menteri itu membabitkan pinjaman SRC daripada KWAP.

Sithambaram memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya membuat permohonan berkenaan mengikut Seksyen 145 dan 155 Akta Keterangan, selepas Najib sendiri mengakui bahawa terdapat percanggahan serius di antara dua kenyataan itu.

Dalam soal balas itu, Najib bagaimanapun cuba menjelaskan mengapa beliau bersetuju dengan timbalan pendakwa raya mengenai percanggahan, tetapi diberitahu bahawa dirinya berpeluang berbuat demikian selepas itu.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Harvinderjit Singh yang mewakili Najib bagaimanapun membantah permohonan itu dengan alasan ia tidak masuk akal kerana anak guam mereka sudah membuat penjelasan mengenai percanggahan itu dalam pernyataan saksinya.

Muhammad Shafee juga mempersoalkan bahawa permohonan pendakwaan itu membabitkan proses yang rumit dan memakan masa, manakala Harvinderjit pula menegaskan bahawa ia adalah permohonan yang remeh.

Sithambaram dalam hujahannya berkata, kejadian yang membawa kepada permohonan pendakwaan adalah berdasarkan ke-

pada apa yang berlaku di mahkamah pagi semalam.

Beliau berkata, kenyataan yang diberikan Najib kepada SPRM dan melalui pernyataan saksi beliau, jika dibandingkan mengandungi percanggahan yang amat serius, malah perkara itu turut diakui sendiri oleh Najib ketika disoal balas.

“Apa yang kami minta ialah dengan bukti ini, mahkamah boleh meneliti kedua-dua kenyataan ini sama ada sama atau tidak... pada peringkat ini, mahkamah tengok kenyataan dan tengok percanggahan.

“Mahkamah mesti meneliti sama ada penjelasan yang diberikan adalah wajar atau sebaliknya,” katanya.

Dalam kes lain, Mahkamah Tinggi di sini, membenarkan permohonan Najib untuk mengantung prosiding saman difailkan Ahli Parlimen Damansara, Tony Pua berhubung dakwaan menyalahgunakan jawatan awam berkaitan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam, Tan Cheng Leong yang mewakili Pua ketika ditemui media selepas prosiding pengurusan kes dalam kamar, ber-

kata Hakim, Datuk Rozana Ali Yusof membuat keputusan itu kerana tiada bantahan daripada plaintiff dan Kerajaan Malaysia.

“Pada asasnya, permohonan itu dibenarkan kerana terdapat kes jenayah terhadap Najib yang membabitkan fakta sama dengan kes sivil di sini. Jadi, mahkamah menetapkan 6 Julai ini untuk pengurusan kes dan memaklumkan perkembangan kes jenayah Najib di Mahkamah Tinggi,” katanya.

Peguam, Nor Emelia Mohd Iszham mewakili Najib, manakala Peguam Kanan Persekutuan, Habibah Harun mewakili kerajaan.

Pada 19 November lalu, panel tujuh hakim diketuai Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat sebulat suara membenarkan rayuan Pua untuk mengembalikan semula samannya terhadap Najib dan kerajaan yang ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 2017.

Tengku Maimun merujuk semula perkara itu ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan dan menetapkan 26 November untuk sebutan.

Pada Julai 2018, Pua gagal dalam rayuannya di Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi menolak rayuan berkenaan. Beliau kemudian mendapat kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan.

Pua menyaman Najib dan kerajaan atas dakwaan menyalahgunakan jawatan awam berkaitan isu 1MDB dan memohon ganti rugi am, teruk dan teladan, faedah, kos dan relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.